

Bersama polis bendung kes jenayah

PADA perhimpunan sempena Hari Polis Ke-201 Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah mencadangkan agar pendekatan kepolisan dalam masyarakat perlu diperluaskan ke seluruh negara dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di negara ini terutama di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

Justeru, kewujudan Balai Polis Komuniti di seluruh negara adalah satu elemen penting dalam melaksanakan pendekatan ini dengan wujudnya jalinan kerjasama erat antara masyarakat dan polis.

Dengan saranan Perdana Menteri ini, kita menaruh kepercayaan penuh kepada PDRM yang sudah pasti akan mengeksplotasi seluruh jenteranya dalam usaha memerangi pelbagai insiden jenayah yang cukup meruncing mutakhir ini.

Penjenayah dan jenayah memang kekal. Selepas tercetusnya sesuatu kes jenayah, akan lahir pula selepas itu perasaan marah, iri hati dan dendam kesumat yang bakal meributkan lagi bahang kekejaman dalam tindak balas seterusnya.

Menurut perangkaan, indeks jenayah kebangsaan meningkat kepada 12.6 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun lalu iaitu sejumlah 170,481 kes berbanding hanya 151,444 kes dalam

tempoh sama pada tahun sebelumnya.

Jenayah keganasan meningkat 18.01 peratus, harta benda naik 13.87 peratus dan jenayah komersial bertambah 17.98 peratus. Hanya jenayah narkotik mencatatkan penurunan sebanyak 8.07 peratus.

Rompakan tanpa senjata api meningkat daripada 9,548 kes kepada 13,537 kes, rompakan berkumpulan menggunakan senjata api bertambah daripada 27 kes kepada 54 kes dan pembunuhan daripada 375 kes kepada 473 kes.

Faktor ekonomi bukanlah alasannya, kerana dalam kerancakan ekonomi negara kini terdapat banyak peluang kerja yang tersedia.

Banyak kes pengangguran yang berlaku sebahagian besarnya berpunca daripada keengganan individu itu sendiri yang terlalu memilih pekerjaan.

Mendapat kemewahan dan kesenangan dengan cara yang batil adalah perbuatan keji yang tidak boleh dimaafkan.

Benarlah, manusia yang tidak berilmu sanggup melakukan apa saja untuk kepentingan diri sendiri.

Golongan ini akan merasa bahagia dengan kematian, kecederaan, kecacatan dan keruntuhan hidup orang lain.

Seorang pakar pengkaji jenayah baru-baru ini menyatakan keyakinannya ba-

hawa 40 hingga 50 peratus kes jenayah terutama ragut, yang secara purata 26 kes dilaporkan dalam sehari di seluruh negara, dilakukan golongan penagih.

Kejadian penagih membunuh ibu atau isteri kerana tidak diberikan duit untuk membeli dadah bukan lagi sesuatu yang mengejutkan.

Insiden jenayah menyebabkan negara mengalami kerugian yang dianggarkan bernilai RM15.3 bilion pada 2005.

Dengan peningkatan berterusan pada tahun lepas dan tahun ini, angka kerugian pastinya terus membesar.

Kita masih terus berharap agar pihak berkuasa dapat mengambil langkah bijak bagi menangani pelbagai kes jenayah yang terus meningkat setiap hari.

Seluruh warga Malaysia sebenarnya cukup yakin dan percaya bahawa PDRM yang ada pada hari ini akan terus sanggup berhadapan dengan cabaran daripada penganas dan penjenayah ini, biarpun pada era kini para penjenayah menggunakan pelbagai peralatan canggih dari segi alat komunikasi dan teknologi tinggi.

Kebanyakan kumpulan penjenayah juga ada yang dibiayai oleh pihak yang mempunyai kemampuan kewangan bagi menampung aktiviti mereka.

Penambahan anggota PDRM sehingga 60,000 anggota dalam masa lima tahun akan datang dan peningkatan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu seperti sains dan teknologi, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), teknologi siber dan forensik, merupakan antara sasaran utama PDRM dalam usaha membendung dan seterusnya membasmi pelbagai kes jenayah yang berlaku di seluruh negara.

Polis bukan hanya diharap akan lebih bijak dan cekap dalam membendung peningkatan kes, tetapi juga dalam masa yang sama menghapuskan punca-punca yang membawa kepada tercetusnya pelbagai kejadian jenayah yang kian parah dalam masyarakat kita.

Moga-moga ia dapat dibendung dan diminimumkan angkanya, sesuai dengan kekuatan yang ada pada gagasan perkhidmatan pasukan keselamatan negara kita.

Gandingan tenaga dari seluruh rakyat pula amat ditagih kerana seorang warga yang terpuji adalah sentiasa memikirkan cara dan kaedah terbaik untuk menyumbang jasa kepada keharmonian tanah air sendiri.

- WAN MARZUKI WAN RAMLI
Pasir Mas, Kelantan.